

**Kerajaan Kaji Sama Ada Kenakan Atau Kecualikan 255 Produk Dari GST
Bernama
24 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Kerajaan masih menjalankan kajian ke atas 255 produk sama ada ia akan dikenakan atau dikecualikan dari Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan April tahun depan.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata setakat ini, kerajaan telah memutuskan sebanyak 689 produk akan dimasukkan di bawah cukai baharu itu yang akan menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

"Sebanyak 273 produk pula kalau dahulu dikenakan cukai pada kadar 10 peratus tetapi apabila GST dilaksanakan, ia dikenakan pada kadar enam peratus sahaja," katanya ketika menggulung usul menjunjung kasih titah Diraja pada Persidangan Dewan Rakyat di sini Isnin.

Beliau berkata kerajaan sentiasa membuat kajian mendalam terhadap pendapatan isi rumah dan kesannya apabila GST dilaksanakan pada kadar enam peratus berbanding SST pada 16 peratus.

Mengenai Malaysia Airlines (MAS) yang mencatatkan kerugian sebanyak RM1.174 bilion sepanjang tahun lepas, Ahmad Husni berkata industri penerbangan merupakan industri yang cukup mencabar.

"Dari segi bilangan penumpang, ia naik 17 peratus tetapi dari segi pendapatan naik 10 peratus dan tiada padanan di situ. Ini kerana persaingan besar khususnya Gulf Airways yang menawarkan tiket murah, jadi MAS terpaksa mengurangkan harga tiket," katanya.

Beliau berkata kenaikan harga minyak juga boleh menghapuskan keuntungan pada industri penerbangan kerana selain MAS, Thai Airlines dan Korean Airlines juga turut mengalami kerugian.

"Oleh kerana MAS beli minyak berdasarkan dolar US, kenaikan mata wang itu mengakibatkan MAS perlu membuat pembayaran yang lebih," katanya.

Ahmad Husni berkata MAS juga sedang dalam proses untuk menggantikan kapal terbang pajakan jenis lama dengan yang baharu yang dijangka dapat menjimatkan antara 20 hingga 30 peratus daripada kos penggunaan minyak.

"MAS yakin kewangan mereka pada masa depan akan lebih baik," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024497>